

DATE: 26/10/2010

ETP pelan induk aktiviti ekonomi negara 10 tahun

BH - 26/10/2010

Banyak inisiatif baru apabila pembaharuan dibuat

PROGRAM Transformasi Ekonomi (ETP) akan berkembang kerana inisiatif yang dikenal pasti hanya sebagai permulaan dan bukan pelan induk tetap bagi aktiviti ekonomi Malaysia untuk tempoh 10 tahun akan datang.

Banyak inisiatif dan aktiviti baru yang belum lagi difikirkan akan muncul apabila pembaharuan bermula, wujudnya peluang baru dan pembangunan pasaran, demikian mengikut laporan ETP-Hala Tuju untuk Malaysia yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Kuala Lumpur, semalam.

Beberapa projek akan berkembang, sesetengahnya bakal berubah secara radikal manakala sesetengah yang lain akan ditamatkan.

Dipacu oleh sektor swasta, ETP akan merubah ekonomi Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi dengan Pendapatan Negara Kasar (PNK) perkapita sekurang-kurangnya RM48,000 menjelang 2020, yang mana 74 peratus daripada pertumbuhan ini akan disumbang

kan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

Ita akan mencipta lebih tiga juta pekerjaan dengan sebahagian besar adalah yang berpendapatan sederhana atau tinggi.

Dalam penilaian impak kepada PNK, setiap makmal NKEA sudah mengenal pasti inisiatif yang diklasifikasikan sama ada sebagai projek permulaan (EPP) atau pelu-

ang perniagaan.

EPP adalah projek yang akan menjana pencapaian berimpak besar dengan pantas dan ia adalah inisiatif yang menentukan dengan jelas di mana pelabur telah dikenal pasti, pelan pelaksanaan yang terperinci telah diwujudkan serta keperluan pembiayaan sudah dinyatakan.

Kerja yang dilakukan di makmal ETP mencadangkan bahawa EPP boleh menyumbang sehingga 31 peratus daripada pertumbuhan PNK tambahan yang dikehendaki dan tambahan 10 peratus melalui kesan penggandaan.

Peluang perniagaan boleh menyumbang tambahan 33 peratus lagi sementara baki 26 peratus pertumbuhan PNK tambahan dijangka akan datang dari sektor lain (bukan NKEA).

Empat NKEA iaitu minyak, gas dan tenaga, perkhidmatan kewangan, mi-

nyak sawit serta pemborongan dan peruncitan diunjurkan menyumbang 60 peratus pertumbuhan tambahan antara 11 sektor NKEA, tidak termasuk Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang.

Kebanyakan daripada inisiatif yang dirancang berasaskan kepada liberalisasi pasaran dan peningkatan persaingan, katanya.

Faktor ini amat penting untuk menarik syarikat multinasional ke Kuala Lumpur, membangunkan paksi kewangan serantau dalam usaha merangsang pertumbuhan dalam perkhidmatan kewangan Islam.

Liberalisasi harga gas dan pengurangan subsidi juga akan mewujudkan disiplin pasaran yang lebih kukuh.

Pertumbuhan ekonomi akan didorong oleh inovasi dan anjakan kepada aktiviti nilai tambah yang lebih tinggi dengan tumpuan diberikan kepada kualiti dan pembaikan standard.

Dalam NKEA, pertumbuhan akan ditumpukan pada subsektor yang Malaysia mempunyai kelebihan daya saing yang mampan.

Program Transformasi Ekonomi

“Pertumbuhan ekonomi didorong oleh inovasi dan anjakan kepada aktiviti nilai tambah dengan tumpuan diberi kepada kualiti dan pembaikan standard”

Najib Razak
Perdana Menteri